

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[BESUT]**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam menggalakkan penyertaan golongan belia dalam bidang keusahawanan pasca pandemic COVID-19, khasnya melalui inisiatif Usahawan Muda Kota yang pernah diperkenalkan sebelum ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Besut, Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota di Kuala Lumpur adalah program yang diwujudkan oleh KWP bagi menggalakkan penyertaan belia dalam bidang keusahawanan pasaca pandemik COVID-19:-

- 1) memberi peluang keusahawanan kepada belia terutamanya untuk berniaga di pusat bandar Kuala Lumpur;
- 2) memperbanyakkan kawasan perniagaan di lokasi tumpuan ramai khususnya di pusat bandar Kuala Lumpur;
- 3) dengan kadar sewa yang lebih murah;
- 4) usahawan diberi pilihan untuk memilih pelbagai pilihan lokasi tumpuan untuk berniaga termasuklah di kawasan River of Life (RoL), pusat bandar, berhampiran perhentian bas dan teksi serta di pusat membeli-belah Berjaya Times Square;
- 5) sebanyak 1,122 kiosk dan ruang niaga disasarkan pada tahun 2020 sehingga tahun 2023; dan
- 6) Faciliate usahawan porgram ini dalam memberi kemudahan sama ada dalam bentuk pemberian lesen perniagaan, pembiayaan perniagaan, pemasaran produk dan khidmat nasihat perniagaan serta latihan peningkatan dalam bidang keusahawanan.

Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) juga mengadakan sesi engagement dengan Kementerian/Agensi berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan mengadakan promosi program melalui media sosial Kementerian dan Webinar. Sekian, terima kasih.